SP5: Bila sampai di perhentian bas, saya dibawa turun oleh orang di sebelah saya. Dia letak saya di perhentian bas dan kira 15 saat. Selepas 15 saat dia suruh saya buka kain. Tetapi sebaik sahaja mereka beredar, saya terus buka kain. Saya nampak kawasan ada pasar, taman rumah dan padang. Saya biasa pergi ke situ. Kawasan itu dekat rumah. Bila buka mata, saya tunggu bapa saya. Bapa datang jam 11 lebih pukul 12. Bapa datang pakcik kedua saya iaitu Khor Chong Huan dengan kereta. Saya dan bapa pergi ke Balai Polis Bukit Mertajam dan rakam percakapan.

...

SP5: Pada hari pengecaman dan masa pengecaman dibuat ada satu cermin, ada orang di dalam cermin bersama dengan nombor kemudian dia suruh saya cam nombor dan sebut nombor itu. Saya nampak ada 10–20 orang. Semua lelaki. Saya boleh cam orang yang saya tenguk hari itu. Saya tenguk dia 4 kali. Pergi kali pertama, dalam cermin itu, mereka tak ada pakai mask. Saya cam orang yang

mula-mula bawa kereta, orang jaga saya dan orang yang beli nasi. Saya cam 3 orang dalam kawat cam. Ada juga kawat cam pakai mask dan saya boleh cam. Masa kawad cam kedudukan 3 orang itu tak sama.

SP5: Saya boleh cam orang yang bawa kereta awal-awal itu. Dia rambut panjang dan bahagian dahi dia. Saya boleh cam orang yang beli nasi sebab masa dia naik atas dia tak pakai topeng. Saya nampak keseluruhan muka dia. Orang yang angkat saya dalam kereta dan jaga saya sepanjang masa saya cam kerana masa dia hisap rokok dia ada tarik topeng ke bawah. Sebelum saya cam 4 orang dalam kawad cam, polis tak ada tunjuk orang yang tangkap saya.

TPR: Kalau saya tunjuk orang tersebut di mahkamah hari ini, Jia Han boleh cam ke? Siapa yang beli makanan, tolak kereta Aunty Ang? Siapa hisap rokok? Siapa rambut panjang, boleh cam dalam mahkamah.

SP5: Boleh.

...

TPR: Jia han tengok 3 orang. Siapa tolak pintu, beli makan?

SP5: Paling kanan baju kelabu. OKT 3 Heng Tian Chuan dicamkan.

TPR: Siapa yang rambut panjang, bawa kereta? Kereta pertama yang kena culik?

SP5: Di bahagian tengah.

TPR: Siapa jaga Jia Han sepanjang masa? Yang nampak dia hisap rokok?

SP5: Di sebelah kiri.

TPR: Ketiga-tiga OKT dicamkan Yang Arif.

[15] During cross-examination by the learned counsel for the second accused, SP5 (encl 7 record of appeal Vol 2 pp 137–149) said:

SP5: Saya telah pergi ke balai polis Bukit Mertajam sebanyak 2 kali. Pertama untuk membuat rakaman percakapan dan kedua untuk membuat pengecaman. Rasanya 1 minggu selepas saya beri rakaman percakapan kepada polis saya pergi ke balai polis pada sebelah petang untuk membuat pengecaman. Saya pergi dengan ayah saya dan Aunty Ang untuk membuat pengecaman. Kami pergi dengan kereta yang sama. Bila saya tak ingat.

...

SP5: Bila kami sampai di balai polis, ada anggota polis yang bawa kami naik ke tingkat atas. Kami berada di dalam sebuah bilik. Aunty pergi buat pengecaman dulu. Selepas Aunty saya. Saya buat pengecaman 4 kali. 2 kali tanpa mask dan 2 kali dengan mask. Dari masa saya sampai ke balai polis sampai tamat pengecaman lama masa lebih kurang 1 jam.

...

SP5: Masa di dalam bilik Aunty tak katakan pada saya samada Aunty ada pengecaman atau tidak. Masa dalam bilik tersebut, pegawai polis tidak ada tunjukkan 4 gambar- gambar suspek kepada saya. Saya buat pengecaman di sebuah bilik yang lain. Jarak dari bilik saya dan Aunty Ang tunggu dengan bilik pengecaman adalah dekat lebih kurang 50 meter dan di tingkat yang sama.

...

SP5: Semasa saya tiba di bilik pengecaman saya berjumpa dengan seorang pegawai berbangsa cina, nama saya tak tahu. Dia hanya suruh saya cam orang. Dia tak ada beritahu saya orang-orang tersebut adalah siapa. Bilik pengecaman itu ada kurang daripada 15 orang. Dia suruh saya cam. Saya camkan.

SP5: Masa saya masuk dalam bilik tersebut, ASP Cheok tidak ada beritahu saya yang saya kena pilih satu orang dua orang dalam senarai tersebut. Masa saya masuk dalam bilik tersebut, ada satu cermin satu hala. Saya boleh nampak sana tapi orang di belakang tak boleh nampak saya. Rasanya cermin itu tinted. Jarak saya dengan cermin lebih kurang 3 meter. Masa saya masuk bilik itu, bebelasan orang tersebut sudah ada ke dalam bilik. Mereka semua Cina. Ada yang gemuk, kurus, tinggi, rendah, rambut panjang dan rambut pendek. Mereka berdiri di sebelah bilik belakang cermin. Jarak mereka dari cermin tersebut di bilik sebelah lebih kurang 3 meter juga. Tidak ingat suspek-suspek dan peserta-peserta kawad cam yang berjambang dan bermisai. Sejurus saya masuk saya lihat semua selepas itu saya camkan.

PEG2: Berapa lama kamu ambil masa untuk memperhatikan dekat situ? Sekejap?

SP5: Lebih kurang 1 minute. Untuk lihatkan semua.

PEG2: Kamu tidak perhatikan bahagian dahi? Rambut.

SP5: Lihat muka.

PEG2: Pertama kali kamu buat tanpa mask setuju?

SP5: Benar.

PEG2: Tapi pada hari tersebut masa kamu diculik mereka ketiga-tiga ada pakai mask setuju?

SP5: Setuju. Masa saya kena tahan mereka ada pakai mask, masa pengecaman kalau tak silap kali ketiga, keempat mereka pakai mask. Tapi pengecaman pada kali pertama, kedua tak pakai mask.

SP5: Saya boleh cam OKT Kedua yang berambut panjang yang pandu kereta di depan tuisyen itu kerana saya nampak. Saya setuju bukan semua peserta-peserta kawad cam berambut panjang. Saya tidak tahu ada satu lagi suspek seiras dengan OKT Kedua juga berada di sana.

...

PEG2: Semasa kamu cam kamu dapat cam OKT kedua. Kamu ada apa-apa distinctive mark dekat muka OKT?

SP5: Tidak ada.

PEG2: Jadi saya katakan kepada kamu kamu telah tersilap dengan cam OKT kedua untuk kawat cam yang pertama tanpa mask sebab dalam ada seorang lelaki yang muka, paras muka, bentuk badan dan rambut yang seiras dengan OKT kedua?

SP5: Tidak setuju.

PEG2: Semasa kamu buat pengecaman kali kedua dengan mask berapa lama? Juga kurang dari seminit kamu dapat camkan dengan mask.

PEG2: Jadi kamu juga seimbas pandang sahaja kesemua-semua suspek dengan mask? Lepas itu kamu beritahu ASP Cheok ini orang.

SP5: Benar selepas saya kenal pasti.

PEG2: Agak berapa lama?

SP5: Saya tidak pasti.

Mahkamah: Masa pertama dan kedua kali dia cam, adakah orang itu berdiri di tempat yang samakah?

SP5: Tidak sama.

...

SP5: Saya boleh cam bahasa Mandarin. Saya tidak kerap baca surat khabar. Ibu-bapa saya, kawan, rakan sekolah, tidak kata pada saya bahawa suratkhabar-suratkhabar ada siarkan berita tentang penculikan saya. Aunty Ang ada kata pada saya. Aunty Ang tidak ada tunjuk sürat kabar pada saya. Aunty Ang ada beritahu saya kejadian penculikan tersebut telah dilaporkan dalam surat khabar Bila dia beritahu saya, saya tidak ingat. Aunty Ang tidak ada beritahu saya gambar-gambar suspek telah disiarkan di akhbar.

...

PEG2: Jadi saya katakan kepada kamu bahawa kamu telah nampak gambar-gambar suspek sehari sebelum kamu pergi ke balai polis untuk membuat pengecaman, setuju?

SP5: Tidak setuju.

...

PEG2: Saya katakan kepada kamu kamu telah tersilap cam OKT kedua pada masa tersebut?

SP5: Tidak setuju.

[16] During cross-examination by the learned counsel for the first and second accused, SP5 (encl 7 record of appeal Vol 2 pp 149–157) futher said as follows:

SP5: Selepas saya diselamatkan, selang 3–4 hari saya telah berjumpa dengan pihak polis menceritakan apa yang berlaku pada saya. Masa itu saya masih takut, gementar dan risau apa yang berlaku ini.

PEG1&3: Kamu setuju dengan saya kalau pada masa itu pihak polis ada minta kamu lakarkan, I use the, my lord I use the legal term photofit. Kamu boleh memberi deskripsi orang tersebut dengan lebih tepat lagi kerana ingatan kamu masih lagi segar di minda kamu?

SP5: Saya setuju.

PEG 1&3: Setuju ya okay very good. Maksudnya kamu boleh memberi deskripsi tentang kalau masa itulah kalaulah masa itu pihak polis minta kamu lakarkan memberi photofit, lukis mata mereka, rambut mereka pendek? Panjang? Muka mereka adakah ia bersegi bujur? Bulat atau panjang? Dagu yang panjang atau

hidung yang muncung, matanya kening macam mana semua perkara itu kamu boleh lakarkan atau memberi descripsi yang lebih tepat lagi kerana kejadian itu baru sahaja berlaku betul?

SP5: Setuju.

...

PEG1&3: Tapi kamu setuju apa yang berlaku ini seperti yang kamu beritahu pada hari itu masa kamu ditangkap dan dibawa masuk dalam kereta adalah perkara yang berlaku dengan begitu pantas. It happened quick, so fast ikut keterangan kamu pada hari itu?

SP5: Setuju.

PEG1&3: Dan pada kebanyakkan masa kamu memang dalam keadaan blindfolded?

SP5: Tidak.

PEG1&3: Daripada keterangan kamu kamu katakan kamu telah pun mata kamu telah ditutup, blindfolded?

SP5: Semasa tangkapan ada ditutup mata dan selepas sampai di tempat yang mengurung saya mata saya dibuka.

PEG1&3: Dan pada masa itu juga kamu setuju dengan saya kamu dalam keadaan trauma, takut, risau, gementar pada masa itu. Fikiran kamu dalam keadaan bercelaru?

SP5: Saya rasa nervous tapi pemikiran saya masih waras.

...

PEG1&3: Okay baik, so dan kamu setuju dengan saya orang-orang yang melakukan perkara ini kamu tidak pernah melihat mereka sebelum hari kejadian?

SP5: Tidak pasti, rasanya tidak pernah jumpa mereka.

PEG1&3: Tidak pernah jumpa okay dan kamu setuju dengan saya bahawa kalau kamu ada memberi photofit tersebut kepada pihak polis, ia akan membantu kamu dalam process membuat pengecaman dalam kawad cam?

SP5: Jika ada, ya. Setuju.

PEG1&3: Setuju ya okay, sebab-sebab deskripsi kamu, dua tiga hari selepas kejadian kamu kata masih lagi segar kamu dapat lakarkan bentuk mata, bentuk rambut, bentuk muka, hidung, dagu dan sebagainya dan ia semestinya akan bantu kamu melihat samada lelaki-lelaki dihadapan kamu itu memang adalah salah satu daripada mereka daripada photofit betul?

SP5: Tidak pasti.

PEG1&3: Dalam semua kawad cam tersebut ya ada tidak kamu pakaian yang dipakai oleh semua peserta-peserta dalam kawad cam itu? Tidak ingat. Okay, maksud saya make it easier for you, maksud saya adakah mereka berpakai pakaian seragam samada warna oren, warna unggu atau pakaian berlainan?

SP5: Tidak ingat.

PEG 1&3: Adakah mereka memakai kasut? Rasanya tak ada. Semua tak pakai kasut?

SP5: Rasanya semua tidak pakai kasut.

PEG 1&3: Okay. Semua tidak pakai kasut, bagus. Jadi tiap-tiap kali kamu pergi buat kawad cam kamu lihat kesemua mereka ada berkaki ayam, kesemua mereka berkaki ayam, tiap-tiap kali kawad cam mereka berkaki ayam?

SP5: Rasanya Ya.

PEG 1&3: I repeat the question sorry, please bear with me yang arif. You see saya kata kepada kamulah saya orang india. Kalau semua orang berbadan seperti saya, warna kulit seperti saya, berdiri berdepan dengan kamu, kepala seperti saya tak ada misai, tak ada janggut, semua kami akan nampak sama. Tapi kalau kami berpusing disebelah kiri, berdepan dengan kamu, berpusing di sebelah kanan itu akan memberi kamu keadaan yang lebih baik untuk membuat pengecaman yang lebih baik. Definitely you will give a better opportunity to identify the person?

SP5: Setuju Yang Arif.

PEG 1&3: Now sebelum pergi ke tadi bila disoal oleh sahabat saya, kamu kata kamu, bapa kamu dan mak cik kamu telah pergi ke balai polis bersama-sama, betul?

SP5: Benar.

PEG 1&3: Bila perjalanan ke balai polis, saya yakin dan percaya kamu, bapa kamu dan aunty telah pun mula bincang kerana kamu pergi ke sana untuk tujuan kawad cam. Sudah mula bincang dalam kereta?

SP5: Tidak ada.

PEG1&3: Saya ulangi balik soalan. Bila kamu pergi ke sana bersama dengan aunty, bersama dengan bapa kamu, Jia Han setuju dengan saya kamu ada bincang sedikit-sedikit apa sebab pergi ke sana kan?

SP5: Tidak ada.

PEG 1&3: Okay nak pergi cam orang ini? Nak pergi cam orang-orang yang telah culik dan sebagainya?

SP5: Tidak ada bincang.

PEG 1&3: Saya katakan, I will just put it to him. Bahawa kamu berpeluang untuk berbincang dalam perjalanan dalam kereta, ketika berada di balai polis sehinggalah selesai, kamu ketiga-tiga berpeluang untuk bertukar maklumat, berbual dalam bahasa Mandarin yang tak mungkin difahami oleh anggota-anggota di situ tentang lelaki lelaki yang terlibat dalam perkara ini. Yang mungkin terlibat yang sepatutnya dicamkan.

SP5: Boleh ada peluang tetapi kami tidak berbuat demikian.

...

PEG 1&3: Kamu tidak memberi sebarang photofit, dan kamu juga setuju dengan saya kalau ada photofit lebih baik untuk kamu buat pengecaman dan kamu juga setuju semasa pengecaman orang itu tidak berpusing ke kiri, tidak berpusing ke kanan. Kalau memusing ke kiri memusing ke kanan lebih baik so kamu setuju dengan saya, pengecaman yang kamu buat sekali sekilas pandang itu pengecaman yang tidak tepat.

SP5: Tidak setuju.

[17] During re-examination by the learned deputy public prosecutor, SP5 (encl 7 record of appeal Vol 2 p 158) said:

TPR: Jia Han peguam OKT kedua ada bertanya, Dato Kumarendran yang a bit tua itu ada bertanya waktu kepada kamu, when he was grabbing you could have seen what happen to aunty's car. Jia Han jawab tak setuju. Bolehkah Jia Han jelaskan mengapa Jia Han tak setuju dengan cadangan peguam?

SP5: Kerana dia peluk saya dan kepala saya boleh menoleh.

TPR: Seterusnya peguam yang sama bertanya, mencadangkan you cannot see what happens to aunty and Jia Han jawab tak setuju. Boleh Jia Han jelaskan mengapa tak setuju dengan cadangan peguam tersebut?

SP5: Kerana saya menoleh, kepala saya boleh menoleh.

Mahkamah: Dan dia nampaklah?

SP5: Ya, saya nampak. Ya, Okay.

TPR: Okay Jia Han kita pergi kepada semasa Jia Han di tempat kejadian, tempat ditahan ya. Peguam ada bertanya Jia Han ada tidur, Jia Han setuju Jia Han ada tidur. And then selepas Jia Han bangun adakah it is already dark, Jia Han jawab tidak. Seterusnya peguam ada bertanya lampu tidak dibuka, Jia Han jawab tidak setuju. Bolehkah Jia Han jelaskan mengapa Jia Han tidak setuju dengan cadangan peguam tersebut?

SP5: Masa itu belum gelap sepenuhnya, tapi lampu telah dipasang.

TPR: Seterusnya Jia Han kita pergi kepada semasa Jia Han nampak OKT tersebut menghisap rokok. Peguam ada tanya, he lifted his mask and then he started smoking. Jia Han jawab tidak setuju. Bolehkah Jia Han jelaskan mengapa tak setuju yang OKT mengangkat masknya?

SP5: Dia adalah tarik mask ke bawah.

TPR: Seterusnya Jia Han kita pergi kepada OKT yang hantar makanan. Yang hantar makanan. Peguam ada bertanya you only saw the side of his face sewaktu dia menghantar makanan di mana keterangan Jia Han sebelum itu dia tak pakai mask ya pada waktu tersebut. Jadi Jia Han jawab tidak setuju. Mengapa Jia Han tak setuju yang cadangan peguam yang Jia Han nampak side of his face?

SP5: Kerana saya ada nampak muka dia.

TPR: Jia Han tadi kamu sebelum ini menyatakan OKT berambut panjang dan dilepaskan begitu sahaja. Jadi waktu kamu buat pengecaman di dalam mahkamah hari itu, OKT kedua yang kamu camkan tidak berambut panjang dan tidak rambut tidak adalah. Jadi macam mana kamu masih boleh camkan OKT dalam mahkamah?

Mahkamah: Itu okay. He understands the question or not? Ask him the question?

SP5: Saya boleh camkan mukanya.

Mahkamah: So, dia boleh cam kerana muka tak kira rambut panjang ke pendek?

SP5: Tak kira.

Mahkamah: Okay.

TPR: Seterusnya Jia Han sewaktu pengecaman di balai polis ya, kamu bersetuju yang sewaktu pengecaman orang yang beratur di hadapan kamu ada juga orang yang mempunyai rambut panjang dan badan hamper seiras dengan OKT kedua yang kamu camkan. Jadi, bolehkah Jia Han jelaskan macam mana kamu boleh camkn OKT kedua yang kamu camkan instead of seorang lagi yang rambut panjang berada di barisan tersebut?

SP5: Saya masih boleh camkan separuh muka atas. Separuh atas muka beliau.

TPR: Seterusnya Jia Han, okay semasa soalan oleh peguam YB Rayer sebentar tadi, kamu ada beresetuju yang kamu tidak diberi peluang kedua untuk memastikan pengecaman semasa kamu buat pengecaman terhadap di Balai Polis Bukit Mertajam. Bolehkah kamu beritahu mahkamah kenapa kamu tidak minta untuk memberi membuat pengecaman kedua?

SP5: Kerana saya rasa tidak perlu. Sekali sudah cukup

TPR: Jia Han bolehkah Jia Han jelaskan mengapa Jia Han tak tersilap cam kedua-dua OKT1, OKT3 yang telah Jia Han camkan di dalam mahkamah?

SP5: Saya tahu, saya dapat camkan.

[18] Having scrutinised the entire evidence given by SP5, we find that no defects in the identification evidence neither there was any doubt in the identification of the three accused by SP5. The identification parade was conducted regularly, transparent and fair to the accused persons. The positive identification of the three accused persons at the identification parade on 20 July 2016 by SP5 and again she successfully identified them in court were safe to be acted upon. The learned trial judge had address and analysed this issue at length and concluded as follows:

18. As the material witness of the whole incident was the victim, the court had to assess not only credibility but also competency as the victim was only ten years during the incident and about 13 years old when he testified.

19. I asked a number of initial questions to determine whether the victim understood the oath and from my observation I determined that the victim understood the oath and its effect fully. The court also determined that not only the victim understood the oath but from the subsequent examinations by the prosecution and the defense the court also determined that the victim was a competent, consistent, confident and a truthful witness.

20. The victim was also intelligent beyond his tender age. For instance, when the defense counsel tried to corner him on his evidence that he was blindfolded while in the car and while in confinement he could not have seen the faces of the accused, the victim calmly answered that while in the car at certain times he had quietly lifted the blindfold and had clearly seen the faces of the accused. Also, at one time while in confinement when he was given food one of the accused had removed his mask to smoke so he saw the face clearly.

25. In this case the defense had highlighted a number of flaws in the identification parades which had not complied with a number of guidelines as mentioned in the

cases above. In the court's view the most important underlying factor when conducting an identification parade is that it must be held in a manner which is fair, transparent with no advantage given to the victim over the suspects to be identified.

26. The court noted that in this case the officers conducting the identification parade had taken the necessary precautions and safeguards to ensure that the identifiers had no prior knowledge of the presence or identity of the suspects in the Identification parade. In this respect the court was satisfied that the victim and SP4 were not shown photographs of the accused beforehand nor had they the opportunity to see the accused before entering the place where the Identification was held.

27. The court was also satisfied that the victim and SP4 were not coached by the investigating officer or anyone else as to whom to identify at the identification parade. Further the court also noted that the police officers conducting the Identification parade had no prior knowledge of the full facts of the case and were independent of any ongoing investigations of the case.

28. The participants of the identification parade although were not of the same age or height and size of the accused and no particulars of the participants were given to court, the court accepts the testimony of the police officer's testimony that the participants were the best match available to participate during the identification parade. The court also is of the view that the diversity between the participants will not necessarily make it easier for the victim or SP4 to identify the accused amongst the participants.

29. In short, the court accepted the results of the Identification parade to be accurate. This fact was also bolstered by the testimony of the officers conducting the Identification parade that the victim and SP4 had without hesitation identified the accused.

30. The victim had also identified all the accused in court. Although it is generally believed that not much weight should be given to court identification, in this case the court gave adequate weight to the identification of the victim in court. This because although initially while testifying the court had placed a barrier between the victim and the accused fearing that the sight of the accused might scare the victim off, later when the court questioned the victim, he stated that he was ready to face the accused and identify them.

31. This was when the court allowed the victim to identify the accused where the victim not only could identify all the three accused but also confirmed as to the role played by each of the accused during abduction and confinement. This clearly showed that the victim had made no mistake in identifying all the three accused at the identification parade.

[19] We are mindful that when the identity of an accused is raised, the court ought to have in mind the guidelines set out in *R v Turnbull and others* [1976] 3 All ER 549 when assessing the quality of the identification evidence. Lord Widgery CJ (as he then was) enunciated what were later termed as the *Turnbull* Guidelines and said as follows:

A Firstly, whenever the case against an accused depends wholly or substantially on the correctness of one or more identifications of the accused which the defence alleges to be mistaken, the judge should warn the jury of the special need for caution before convicting the accused in reliance on the correctness of the identification or identifications. In addition, he should instruct them as to the reason for the need for
B such a warning and should make some reference to the possibility that a mistaken witness can be a convincing one and that a number of such witnesses can all be mistaken. Provided this is done in clear terms the judge need not use any particular form of words.

Secondly, the judge should direct the jury to examine closely the circumstances in
C which the identification by each witness came to be made. How long did the witness have the accused under observation? At what distance? In what light? Was the observation impeded in any way, as for example by passing traffic or a press of people? Had the witness ever seen the accused before? How often? If only occasionally, had he any special reason for remembering the accused? How long
D elapsed between the original observation and the subsequent identification to the police? Was there any material discrepancy between the description of the accused given to the police by the witness when first seen by them and his actual appearance? If in any case, whether it is being dealt with summarily or on indictment, the prosecution has reason to believe that there is such a material discrepancy they should supply the accused or his legal advisers with particulars of the description the
E police were first given. In all cases if the accused asks to be given particulars of such descriptions, the prosecution should supply them. Finally, he should remind the jury of any specific weaknesses which had appeared in the identification evidence. Recognition may be more reliable than identification of a stranger; but, even when the witness is purporting to recognise someone whom he knows, the jury should be
F reminded that mistakes in recognition of close relatives and friends are sometimes made.

All these matters go to the quality of the identification evidence. If the quality is good and remains good at the close of the accused's case, the danger of a mistaken identification is lessened; but the poorer the quality, the greater the danger. In our judgment, when the quality is good, as for example when the identification is made
G after a long period of observation, or in satisfactory conditions by a relative, a neighbour, a close friend, a workmate and the like, the jury can safely be left to assess the value of the identifying evidence even though there is no other evidence to support it; provided always, however, that an adequate warning has been given about the special need for caution. Were the courts to adjudge otherwise, affronts to
H justice would frequently occur.

[20] In the case of *Duis Akim & Ors v Public Prosecutor* [2014] 1 MLJ 49, the Federal Court through the judgment delivered by Richard Malanjum CJ (Sabah and Sarawak) (as he then was) held as follows:

I [47] To begin it is in the forefront of our minds the Turnbull guidelines (*R v Turnbull* [1976] 3 All ER 549) as succinctly summarised in the case of *Heng Aik Ren Thomas v Public Prosecutor* [1998] 3 SLR(R) 142. Delivering judgment for the Singapore Court of Appeal M Karthigesu JA said this at paras 33–35 of the judgment:

Although the Turnbull guidelines were drafted to assist a trial judge in correctly directing the jury, the principles which were enunciated in it are of equal relevance to our criminal trial system. In adapting the Turnbull guidelines for our local system, we have reworked the Turnbull guidelines into the following three-step test. The first question which a judge should ask when encountering a criminal case where there is identification evidence, is whether the case against the accused depends wholly or substantially on the correctness of the identification evidence which is alleged by the defence to be mistaken.

If so, the second question should be this. Is the identification evidence of good quality, taking into account the circumstances in which the identification by the witness was made? A non-exhaustive list of factors which could be considered include the length of time that the witness observed the accused, the distance at which the observationwas made, the presence of obstructions in the way of the observation, the number of times the witness had seen the accused, the frequency with which the witness saw the accused, the presence of any special reasons for the witness to remember the accused, the length of time which had elapsed between the original observation and the subsequent identification to the police and the presence of material discrepancies between the description of the accused as given by the witness and the actual appearance of the accused. In considering the circumstances in which the identification was made, the judge should take note of any specific weaknesses in the identification evidence. If after evaluation of the identification evidence, the judge is satisfied that the quality of the identification is good, he may then go on to safely assess the value of the identification evidence. Where the quality of the identification evidence is poor, the judge should go on to ask the third question. Is there in any other evidence which goes to support the correctness of the identification. If the judge is unable to find other supporting evidence for the identification evidence, he should then be mindful that a conviction which relies on such poor identification evidence would be unsafe. The supporting evidence need not be corroboration evidence of the kind required in *R v Baskerville* [1916] 2 KB 658. What the supporting evidence has to be is evidence that makes the judge sure that there was no mistake in the identification.

We agree with the summary of the guidelines.

(See also: *Zulkifli @ Sakun bin Ahmad Endin Chun lwn Pendakwa Raya* [2013] 1 MLJ 733; [2012] 1 LNS 435; *Dorai Pandian a/l Munian & Anor v Public Prosecutor* [2009] 4 MLJ 525; [2012] 10 CLJ 22.)

[21] ASP Cheok Kian Soon (SP2) who conducted the identification parade on 14 July 2016 strengthens SP5's and SP4's evidence when he said in his witness statement (encl 9 record of appeal Vol 2 (3) pp 523–531), inter alia, as follows:

4. Pada 14/07/2016, jam lebih kurang 1400hrs semasa berada di IPD SPT, saya telah terima arahan daripada ASP G/13455 Hasan bin Mohamad Salih untuk menjalankan kawat cam cermin satu hala berkaitan Bukit Mertajam rpt: 7850/16, Sek.3(1) Akta Culik 1961, bagi tujuan pengecaman saksi (A1) Khor Jia Han, KPT:

061027–07–0551 dan saksi (A2) Ang Suat Kee, KPT: 680723–07–5092 ke atas suspek-suspek (B1) Quaik Yong Lai, KPT: 820314–07–5421, (B2) Heng Tian Chuan, KPT: 821214–07–5023, (B3) Goh Jit Ee, KPT: 800501 –07–5031 dan (B4) Lim Ho Min, KPT: 801204–07–5187.

16. ... Saksi (A1) dapat mengecam suspek (B1) di kedudukan nombor 5 dan suspek (B2) di kedudukan nombor 12 secara positif. Kemudian saksi (A1) telah dibawa keluar dari bilik kawat cam oleh anggota pengiring saksi Kpl 99634 Rosli bin Othman dan juga bapa saksi (Al) untuk menunggu di bilik Insp. Izzat. Suspek (B1) telah diberitahu haknya untuk mengubah kedudukan dalam kawat cam dan (B1) berdiri di kedudukan nombor 3. Suspek (B2) telah diberitahu haknya untuk mengubah kedudukan dalam kawat cam dan (B2) berdiri di kedudukan nombor 9. Tiada sebarang bantahan dibuat oleh suspek tentang komposisi atau pengendalian kawat cam oleh saya.

17. Pada 14/07/2016, jam lebih kurang 1655hrs saksi (A2) telah dibawa balik ke Bilik Taklimat Balai Bukit Mertajam diiringi oleh anggota pengiring saksi (A2) D/Kpl 139485 Mohd Amran bin Mohamad. Saya telah bawa saksi (A2) dari Bilik Taklimat Balai Bukit Mertajam yang diiringi oleh anggota pengiring saksi (A2) D/Sjn 116605 Mat Isa bin Maslan masuk ke dalam bilik kawat cam cermin satu hala. Saya telah beritahu saksi bahawa suspek mungkin berada atau tidak berada dalam barisan kawat cam tersebut. Saksi (A2) tidak diberitahu untuk mengecam saspek dengan menyebut nombor kedudukan suspek. Saksi (A2) juga tidak meminta untuk mendengar suara orang-orang yang berada dalam perbarisan. Saksi (A2) dapat mengecam suspek (B1) di kedudukan nombor 3 dan suspek (B2) di kedudukan nombor 9 secara positif. Kemudian saksi (A2) telah dibawa oleh anggota pengiring saksi D/Sjn 116605 Mat Isa bin Maslan untuk menunggu di bilik Insp. Izzat. Manakala suspek (B1) dan (B2) dieskot oleh anggota eskot D/Sjn 119542 Mohd Hafidz bin Abd Karim dan D/Kpl 97853 Kannan a/l Narayan masuk ke dalam bilik pemeriksaan, lokap IPD SPT.

19. Pada 14/07/2016, jam lebih kurang 1705hrs saksi (A1) telah dibawa balik ke Bilik Takllmat Balai Bukit Mertajam diiringi oleh anggota pengiring saksi Kpl 99634 Rosli bin Othman dan juga bapa saksi (A1). Saya telah bawa saksi (A1) darl Bilik Taklimat Balai Bukit Mertajam yang diiringi oleh anggota pengiring saksi L/Kpl 182508 Muhammad Arif bin Moktar dan juga bapa saksi (A1) masuk ke dalam bilik kawat cam cermin satu hala. Saya telah beritahu saksi bahawa suspek mungkin berada atau tidak berada dalam barisan kawat cam tersebut. Saksi (A1) tidak diberitahu untuk mengecam saspek dengan menyebut nombor kedudukan suspek. Saksi (A1) juga tidak meminta untuk mendengar suara orang-orang yang berada dalam perbarisan. Saksi (A1) dapat mengecam suspek (B3) di kedudukan nombor 3 secara posit if tapi tidak dapat mengecam suspek (84) secara positif. Kemudian saksi (A1) telah dibawa keluar dari bilik kawat cam oleh anggota pengiring saksi L/Kpl 182508 Muhammad Arif bin Moktar dan juga bapa saksi (A1) untuk menunggu di bilik Insp. Izzat. Suspek (B3) telah diberitahu haknya untuk mengubah kedudukan dalam kawat cam dan (B3) berdiri di kedudukan nombor 3. Suspek (B4) telah diberitahu haknya untuk mengubah kedudukan dalam kawat cam dan (84) berdiri di kedudukan nombor 9. Tiada sebarang bantahan dibuat oleh suspek tentang komposisi atau pengendalian kawat cam oleh saya.

20. Pada 14/07/2016, jam lebih kurang 1710hrs saksi (A2) telah dibawa balik ke Bilik Taklimat Balai Bukit Mertajam diiringi oleh anggota pengiring saksi (A2) D/Sjn 116605 Mat Isa bin Maslan. Saya telah bawa saksi (A2) dari Bilik Taklimat Balai Bukit Mertajam yang diiringi oleh anggota pengiring saksi (A2) D/Kpl 139485 Mohd Amran bin Mohamad masuk ke dalam bilik kawat cam cermin satu hala. Saya telah beritahu saksi bahawa suspek mungkin berada atau tidak berada dalam barisan kawat cam tersebut. Saksi (A2) tidak diberitahu untuk mengecam saspek dengan menyebut nombor kedudukan suspek. Saksi (A2) juga tidak meminta untuk mendengar suara orang-orang yang berada dalam perbarisan. Saksi (A2) tidak dapat mengecam suspek (B3) dan suspek (B4) secara positif. Kemudian saksi (A2) telah dibawa oleh anggota pengiring saksi D/Kpl 139485 Mohd Amran bin Mohamad untuk menunggu di bilik Insp. Izzat. Manakala suspek (B3) dan (B4) dieskot oleh anggota eskot Sjn 83411 Murugiah a/l Muthaiah dan L/Kpl 127580 Fasmurin bin Mat Yusof masuk ke dalam bilik pemeriksaan, lokap IPD SPT.

21. Pada 14/07/2016, jam lebih kurang 1720hrs semasa berada di bilik pemeriksaan, Lokap IPD SPT, saya telah maklumkan keputusan kawat cam kepada suspek (B1) hingga suspek (B4) dimana suspek (Bl), (B2) dan (B3) dicam oleh saksi (A1) secara positif manakala suspek (Bl) dan (B2) dicam oleh saksi (A2) secara positif.

22. Pada 14/07/2016, jam lebih kurang 1800hrs saya buat ID siasatan sepanjang proses kawat cam yang dijalankan menggunakan cermin satu hala dan laporan kawat cam berkaitan Bukit Mertajam rpt: 7850/16, Sek.3(1) Akta Culik 1961.

23. Saya kemudian serahkan ID siasatan beserta laporan kawat cam kepada pegawai penyiasat kes ASP G/13455 Hasan bin Mohamad Salih untuk tindakan selanjutnya. Saya juga telah turunkan tandatangan ke atas ID siasatan dan laporan kawat cam.

24. Saya mengesahkan pada bila-bila masa sebelum kawat cam dijalankan, saksi (A1) dan bapanya serta saksi (A2) tidak pernah ditunjukkan gambar suspek (Bl), (B2), (B3), (B4) ataupun ditunjukkan (Bl), (82), (B3), (B4) secara fizikal.

[22] Hence, on the facts and evidence adduced in this case we are satisfied that the learned trial judge had considered the evidence on this critical issue at the end of the case for the prosecution and upon giving them the maximum evaluation. Under intensive cross-examination, SP5 remained steadfast in her answers on her identification of the accused. The same goes to SP4. Hence, we find no justification to interfere with the assessment by the learned trial judge of SP5 and SP4 as a material witness on the issue of identification of the accused persons. There was ample corroboration of SP5's testimony in court by SP4 and identification parade conducted by the police (SP2) which had obviously enhance SP5 credibility. Accordingly, we are satisfied that the defence was rightly called by the learned trial judge at the end of the prosecution's case.

Defective charge

[23] It was strenuously contended for the accused that the charge is defective and has misled accused persons which in essence states that all the three accused had wrongfully abducted and wrongfully confined SP5 in the vicinity of music centre located at No 57, Taman Jernih Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Was it a case of wrongful abduction or wrongful confinement or both? The charge is bad for duplicity because two different acts of kidnappings have been rolled into a single charge.

[24] With respect, we are not persuaded by such argument. It is clear from the wording of the charge that the act charged off is 'abduction and wrongful confinement' as expressly stated in the charge. The prosecution had described specifically the act that they had committed. Thus, the accused knew well what the case were against them when the prosecution closed its case and they had been afforded all the opportunity to present their defence. For that reason, it was open to the prosecution to choose and prove the relevant act in the course of the trial. Hence, we find no prejudiced suffered by the accuseds in preparing their defences. The charge was therefore not defective or a nullity.

[25] In fact the learned trial judge in his judgment has rightly found that the prosecution had proven all the three elements of abduction, wrongful confinement and wrongful restraint. This can be gleaned from the judgment as follows:

> 65. In this case the court finds that the prosecution although needing only to prove one of the three ingredients of abduction, wrongful confinement or wrongful restraint have proven all the three ingredients also beyond reasonable doubt. In fact, abduction and wrongful restraint have already been admitted to by the four accused themselves when they admitted restraining the victim and pushing her into the vehicle.

[26] Thus, we find that the point taken by the accused counsel is obviously unsustainable.

Demand for ransom

[27] The testimony of SP20 (Ng Siew Hui) that there was a demand of ransom is indeed credible. SP20 had no purpose or reason to fabricate her evidence against them. Support for this can be found in her evidence and we now reproduced (encl 8 record of appeal Vol 2 (2) pp 306–313):

> Semasa dalam perjalanan memandu saya terima satu panggilan telefon ke telefon bimbit saya. Pihak pemanggil memberitahu bahawa anak saya berada di tangan mereka dan minta saya bahawa anak saya berada di tangan mereka dan minta saya membayar sejumlah wang RM5 juta. Suara lelaki. Dia cakap dalam bahasa apa Teow Chew. Selepas minta bayaran RM5, saya minta hendak cakap dengan anak

saya dan cakap saya tak dapat duit sebanyak itu, nak minta kurang. Anak saya sempat bercakap dengan saya tetapi saya tidak sempat bercakap dengan anak saya kerana panggilan telah diputuskan.

Pada permulaanya kami ada buat tawar menawar mengenai harga pihak pemanggil enggan mengurangkan harga dan saya kata saya akan cuba dapatkan wang sejumlah itu. Semasa dengar suara anak saya melalui telefon saya menangis dan minta mereka jangan mencederakan anak saya. Wang akan saya cari sedaya upaya dan jika boleh saya minta kurangkan jumlah wang kerana saya tidak dapat kumpulkan wang sebanyak itu. Saya ada minta kurangkan sehingga RM2 juta.

Saya menghubungi uncle dan juga beberapa saudara untuk mengumpul wang. Kalau masih ingat jam berapa waktu itu? Mulai pukul 6 lebih sehingga pukul 7 lebih saya masih mengumpul wang.

Dalam masa ini kamu ada menghubungi suami kamu untuk meminta wang?

